

## KHUTBAH JUMAAT

### “MERENUNGI KEAGUNGAN ILAHI DALAM IBADAH HAJI” (9 Jun 2023M/ 20 Zulkaedah 1444H)

الْحَمْدُ لِلَّهِ، الْحَمْدُ لِلَّهِ الْغَنِيِّ الْحَمِيدِ، وَأَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ  
لَا شَرِيكَ لَهُ ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ.  
اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَسَلِّمْ تَسْلِيمًا كَثِيرًا.  
أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تُقَاتِهِ وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ  
مُسْلِمُونَ.

#### **Kaum muslimin yang dirahmati Allah,**

Marilah kita bersama-sama meningkatkan ketaqwaan kepada Allah *subhanahu wata'ala* dengan menunaikan segala perintah-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya. Semoga kita peroleh kejayaan, kebahagiaan dan keselamatan di dunia dan di akhirat.

Khatib mengingatkan para jemaah agar memberi sepenuh perhatian kepada khutbah yang akan disampaikan dan tidak melakukan perkara-perkara yang boleh mengurangkan pahala Jumaat seperti berbual-bual dan menggunakan telefon. Oleh itu, marilah kita bersama-sama mendengar dan menghayati khutbah yang bertajuk :  
**'Merenungi Keagungan Ilahi Dalam Ibadah Haji'.**

#### **Kaum muslimin yang dirahmati Allah,**

Kini, kita telah pun berada dalam pertengahan salah satu daripada bulan-bulan haji iaitu bulan Zulkaedah. Bulan-bulan haji yang dimulai

dengan bulan Syawal, Zulkaedah dan seterusnya sepuluh hari dari bulan Zulhijjah merupakan musim umat Islam dari seluruh pelusuk dunia pergi ke Makkah al-Mukarramah dan kawasan sekitarnya untuk menunaikan ibadat Haji yang merupakan rukun Islam yang kelima.

Ibadat haji adalah satu kewajiban yang telah ditentukan oleh Allah *subhanahu wata'ala* ke atas setiap individu muslim sama ada lelaki atau perempuan yang berkemampuan, sama seperti kewajiban mengerjakan rukun Islam yang lain seperti solat, puasa dan zakat. Namun, ibadat haji wajib dikerjakan sekali sahaja seumur hidup. Kewajipan menunaikan ibadat haji ini termaktub di dalam al-Quran melalui firman Allah *subhanahu wata'ala* di dalam surah Ali Imran, ayat 97:

فِيهِ آيَاتٌ مُّبَيَّنَاتٌ لِّمَقَامِ إِبْرَاهِيمَ ۖ وَمَنْ دَخَلَهُ كَانَ آمِنًا ۗ وَلِلَّهِ عَلَى النَّاسِ حِجُّ الْبَيْتِ مَنِ اسْتَطَاعَ إِلَيْهِ سَبِيلًا ۚ وَمَنْ كَفَرَ فَإِنَّ اللَّهَ غَنِيٌّ عَنِ الْعَالَمِينَ ﴿٩٧﴾

**Maksudnya :** *Di situ ada tanda-tanda keterangan yang nyata (yang menunjukkan kemuliaannya; di antaranya ialah) Makam Nabi Ibrahim. Dan sesiapa yang masuk ke dalamnya aman tenteramlah dia. Dan Allah mewajibkan manusia mengerjakan ibadat haji dengan mengunjungi Baitullah, iaitu sesiapa yang mampu sampai kepadanya. Dan sesiapa yang kufur (ingkarkan kewajiban ibadat haji itu), maka sesungguhnya Allah Maha Kaya (tidak berhajatkan sesuatu pun) dari sekalian makhluk.*

Tuntutan wajib bagi menunaikan ibadah haji ke atas setiap umat Islam juga telah ditegaskan oleh Rasulullah *sallallahu 'alaihi wasallam* melalui sebuah hadis sahih daripada Ibnu Abbas *radiallahu anhuma* :

(( أَنَّ الْأَقْرَعَ بْنَ حَابِسٍ سَأَلَ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَقَالَ يَا رَسُولَ اللَّهِ الْحَجُّ فِي كُلِّ سَنَةٍ أَوْ مَرَّةً وَاحِدَةً قَالَ بَلْ مَرَّةً وَاحِدَةً فَمَنْ زَادَ فَهُوَ تَطَوُّعٌ ))

**Maksudnya:** *Bahawasanya al-Aqra' bin Habis pernah bertanya, "Wahai Rasulullah (sallallahu 'alaihi wasallam), Adakah menunaikan ibadah haji itu wajib pada tiap-tiap tahun atau satu kali sahaja? Bersabda Rasulullah sallallahu 'alaihi wasallam,,: Ya, yang wajib hanyalah satu kali sahaja. Sesiapa yang mahu menambahkannya maka haji tambahan itu menjadi tatawwu' (sunat)".*

*(Hadis riwayat Imam Abi Daud)*

Nabi Muhammad *sallallahu alaihi wasallam* telah menunaikan fardhu haji sekali semasa hayatnya. Haji itu dinamakan dengan 'Hajjatul Wada' kerana tidak berapa lama selepas pelaksanaan haji itu Baginda *sallallahu alaihi wasallam* pun wafat.

**Kaum muslimin yang dirahmati Allah,**

Sesungguhnya, setiap ibadah yang disyariatkan dalam Islam mengandungi falsafahnya yang tersendiri untuk dihayati dalam kehidupan. Begitu juga dengan ibadah haji. Antara falsafah ibadah haji ialah sebagai bukti keesaan dan keagungan Allah *subhanahu*

*wata'ala*. Tanda-tanda kekuasaan Allah *subhanahu wata'ala* yang terkandung dalam ibadah haji sangat jelas dan tegas, sehingga penting untuk disaksi dan dipersaksikan kepada seluruh umat manusia. Firman Allah *subhanahu wata'ala* dalam surah Aali Imran, ayat 97 :

فِيهِ آيَاتٌ بَيِّنَاتٌ مَّقَامُ إِبْرَاهِيمَ وَمَنْ دَخَلَهُ كَانَ آمِنًا ...

**Maksudnya :** *Di situ ada tanda-tanda keterangan yang nyata (yang menunjukkan kemuliaannya; diantaranya ialah) Makam Nabi Ibrahim. Dan sesiapa yang masuk ke dalamnya, aman tenteramlah dia ...*

Imam Ibnu Katsir ketika mentafsirkan ayat ini menukilkan daripada Mujahid *rahimahullah* bahawa bekas kedua belah tapak kaki Nabi Ibrahim *alaihissalam* pada tempat itu adalah satu tanda yang jelas. Beliau menjelaskan bahawa pada Kaabah itu ada tanda-tanda yang jelas menunjukkan bahawa Nabi Ibrahim *alaihissalam* yang telah membinanya.

Sesungguhnya, tanda-tanda kebenaran di tempat suci itu begitu banyak dan jelas. Sangat penting agar seluruh umat manusia menyaksikan dan menceritakan hal-hal tersebut. Allah *subhanahu wata'ala* memelihara bekas tapak kaki Nabi Ibrahim *alaihissalam*. Bapa para Nabi ini begitu gigih memperjuangkan ajaran tauhid sehingga Allah mengurniakan kepada baginda kemuliaan yang banyak, hinggakan bekas tapak kaki baginda diabadikan oleh Allah

*subhanahu wata'ala* dan ditempatkan bersebelahan dengan Ka'bah yang suci.

Di sana juga terpancar mata air zamzam iaitu mata air yang mengalir keluar dengan derasnya di sebuah kawasan lingkungan padang pasir berbatu yang jarang mengalami hujan. Satu bukti kekuasaan Allah kepada seluruh umat manusia bahawa Allah berkuasa melakukan apa sahaja yang Dia inginkan meskipun tidak lazim menurut perhitungan dan fikiran manusia.

Di sana juga ada bukit Safa dan Marwah yang menyaksikan keteguhan iman seorang ibu iaitu Hajar dalam menghadapi ujian, dan kesungguhannya mengatasi permasalahan yang secara sepintas lalu tampak mustahil untuk diatasi. Ketokohan seorang wanita beriman yang bukan sekadar mampu bertahan dalam keadaan yang sukar, malah berjaya pula mendidik seorang anak yang akhirnya menjadi seorang nabi iaitu Nabi Ismail *alaihissalam* amat wajar diteladani.

Sesungguhnya, pelaksanaan ibadah haji ialah rehlah *ruhaniah* atau perjalanan suci berbanding perjalanan yang lain yang tercatat dalam sejarah. Ia juga bukan seperti melancong tetapi perjalanan ini mempunyai pelbagai hikmah, faedah dan kelainan yang boleh diambil. Ibadat haji selain daripada berfungsi mensucikan dosa-dosa, ia juga merupakan bekalan yang tepat menuju akhirat. Para jemaah haji sanggup berkorban harta benda, wang dan jiwa raga untuk memperhambakan diri dengan sebenar-benarnya kepada Allah *subhanahu wata'ala*. Mereka tergolong dalam kelompok manusia

yang mendapat petunjuk dan hidayah serta ketinggian martabat iman di sisi Allah *subhanahu wata'ala*.

### **Kaum muslimin yang dirahmati Allah,**

Mengakhiri khutbah, marilah kita menghayati kesimpulan dari khutbah hari ini iaitu:

**Pertama** : Ibadah haji adalah Rukun Islam yang kelima yang wajib dilaksanakan oleh setiap individu muslim sama ada lelaki atau perempuan yang berkemampuan.

**Kedua** : Setiap ibadah yang disyariatkan dalam Islam mengandungi falsafahnya yang tersendiri untuk dihayati dalam kehidupan.

**Ketiga** : Antara falsafah ibadah haji ialah sebagai bukti keesaan dan keagungan Allah *subhanahu wata'ala*.

Seterusnya, marilah bersama-sama kita menghayati firman Allah *subhanahu wata'ala* dalam Surah al-Baqarah, ayat 197 :

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ. بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ.  
الْحَجُّ أَشْهُرٌ مَّعْلُومَاتٌ ۗ فَمَنْ فَرَضَ فِيهِنَّ الْحَجَّ فَلَا رَفَثَ وَلَا فُسُوقَ وَلَا  
جِدَالَ فِي الْحَجِّ ۗ وَمَا تَفَعَّلُوا مِنْ خَيْرٍ يَعْلَمُهُ اللَّهُ ۗ وَتَزَوَّدُوا فَإِنَّ خَيْرَ الزَّادِ  
التَّقْوَى ۗ وَاتَّقُونِ يَا أُولِيَ الْأَلْبَابِ

**Maksudnya:** (Masa untuk mengerjakan ibadat) Haji itu ialah beberapa bulan yang termaklum. Oleh yang demikian sesiapa yang telah mewajibkan dirinya (dengan niat mengerjakan) ibadat Haji itu, maka tidak boleh mencampuri isteri, dan tidak boleh membuat maksiat, dan tidak boleh bertengkar, dalam masa mengerjakan ibadat Haji. Dan apa jua kebaikan yang kamu kerjakan adalah diketahui oleh Allah; dan hendaklah kamu membawa bekal dengan cukupnya kerana sesungguhnya sebaik-baik bekal itu ialah memelihara diri (dari keaiban meminta sedekah); dan bertaqwalah kepada-Ku wahai orang yang berakal (yang dapat memikir dan memahaminya).

بَارَكَ اللهُ لِيْ وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيْمِ، وَنَفَعَنِيْ وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيْهِ مِنَ الْآيَاتِ  
وَالذِّكْرِ الْحَكِيْمِ، وَتَقَبَّلَ مِنِّيْ وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيْعُ الْعَلِيْمُ. أَقُولُ  
قَوْلِيْ هَذَا، وَأَسْتَغْفِرُ اللهَ الْعَظِيْمَ لِيْ وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِيْنَ وَالْمُسْلِمَاتِ  
وَالْمُؤْمِنِيْنَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُوْرُ  
الرَّحِيْمُ.

## KHUTBAH JUMAAT KEDUA

الْحَمْدُ لِلَّهِ. الْحَمْدُ لِلَّهِ حَمْدًا كَثِيرًا كَمَا أَمَرَ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ  
وَخَدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ  
وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ. أَمَّا بَعْدُ،  
فِيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تَقَاتِهِ لَعَلَّكُمْ تُفْلِحُونَ.

### **Kaum Muslimin yang dirahmati Allah,**

Kita hendaklah sentiasa melakukan kawalan sendiri dengan sebaik-baiknya bagi mengelakkan terdedah kepada bahaya wabak penyakit. Teruskanlah memohon keampunan dan bermunajat kepada Allah *subhanahu wata'ala* agar diangkat segala wabak dan musibah daripada kita dan dikurniakan keselamatan dan kesejahteraan buat diri, keluarga, masyarakat, negeri dan negara.

قَالَ اللَّهُ تَعَالَى:

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ  
وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا.

اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، كَمَا صَلَّيْتَ  
عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ، وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ  
وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، كَمَا بَارَكْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ  
سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ، فِي الْعَالَمِينَ، إِنَّكَ حَمِيدٌ مَجِيدٌ.



وَارْضَى اللَّهُمَّ عَنِ الْخُلَفَاءِ الرَّاشِدِينَ الْمَهْدِيِّينَ، سَادَاتِنَا أَبِي بَكْرٍ وَعُمَرَ  
وَعُثْمَانَ وَعَلِيٍّ، وَعَنِ الصَّحَابَةِ وَالتَّابِعِينَ لَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.  
اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ  
وَالْأَمْوَاتِ. إِنَّكَ سَمِيعٌ قَرِيبٌ مُجِيبُ الدَّعَوَاتِ وَيَا قَاضِيَ الْحَاجَاتِ.

Ya Allah, ampunilah dosa-dosa dan kesalahan kami, ibubapa kami, ahli keluarga dan guru-guru kami. Limpahkanlah kesejahteraan, kedamaian dan kebahagiaan kepada kami semua dalam kehidupan di dunia dan di akhirat.

Ya Allah, Ya Rahman, Ya Rahim! Berikanlah taufiq dan hidayat-Mu kepada kami semua dan juga kepada pemimpin-pemimpin Negara kami, khasnya kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Malaysia, dan juga pemimpin-pemimpin negeri kami, khususnya Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri Sarawak.

Ya Allah! Kurniakanlah kami rezeki yang halal lagi diberkati, hindarilah kami dari sebarang bentuk gejala rasuah dan pelanggaran kepada peraturan dan undang-undang. Kurniakanlah keselamatan dan kesejahteraan, jadikanlah kami ummah yang berkualiti dan berintegriti demi mencapai negara yang aman dan makmur serta mendapat perlindungan-Mu, ya Allah.

Ya Allah, Ya Dzal Jalali Wal Ikram! Ya Allah, kukuhkanlah perpaduan dan kesatuan kami dalam aqidah, ibadah dan akhlak di bawah pegangan Ahli Sunnah Wal Jamaah. Limpahkanlah ke atas kami

nikmat keselamatan, kesehatan dan keafiatan. Kurniakanlah kesembuhan kepada mereka yang diuji dengan penyakit-penyakit dan bebaskanlah negara kami daripada segala perkara yang tidak diingini dan wabak penyakit.

رَبَّنَا أْتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ. أَمِينَ،  
أَمِينَ يَا رَبَّ الْعَالَمِينَ.

عِبَادَ اللَّهِ. إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ. وَإِيتَاءِ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ  
الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ. يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ. فَادْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ  
يَذْكُرْكُمْ. وَاشْكُرُوهُ عَلَىٰ نِعْمِهِ يَزِدْكُمْ. وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ. وَلَذِكْرُ  
اللَّهِ أَكْبَرُ. وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ. أَقِيمُوا الصَّلَاةَ.